

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Hal Ehwal Pelajar
Sent: 01 Julai 2021 15:55
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: HEBAHAN HEPA : BULETIN HEPA POST BIL.5 JUN 2021



1 JULAI 2021 | 21 ZULKAEDAH 1442H

HEP ONLINE :

اَلْسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Y.Brs. Prof/Dr./Tuan/Puan

Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera

BULETIN HEPA POST BIL.5 JUN 2021



Jabatan Hal Ehwal Pelajar
STUDENT AFFAIRS DEPARTMENT
Universiti Utara Malaysia

HEPA POST

UNGGUL, MESRA, DEDIKASI

BIL. 5/2001

JULAI



Tahniah NAIB JOHAN
BESTANDINGAN DEKLAMASI PUISI PERINGKAT
ANJURAN
SYABAS! UUM NAIB JOHAN
PERTANDINGAN DEKLAMASI
PUISI TAMIL PERINGKAT KEBANGSAAN

YOKESWARAN CHELAORAI
ORATOR BAHASA TAMIL UUM


**80 ORANG STAF HEPA
MENERIMA SUNTIKAN
VAKSIN**



**PROGRAM BYE-BYE KOHORT 7
MENUTUP TIRAI**



**PROGRAM OUTREACH
MEMPERKENALKAN
PUSAT KAUNSELING
UUM**



**BENGKEL
TERAPI MINDA**



Bengkel Seni Terapi Minda
"KERJAYA MANTUL PEMANGKIN KESEJAHTERAAN MINDA"

TARIKH / DATE PROGRAM
06 APRIL 2021
8:30 PAGI - 4:30 PETANG

LOKASI / LOCATION
DARULULUMAM KAMPUS BARU
DARULULUMAM KAMPUS BARU
02093010000010

QR CODE



**NEW NORMS OF STUDENT'S DEVELOPMENT & WELLBEING
SUSTAINABILITY OF STUDENT'S RESIDENTIAL MANAGEMENT**

ISHAD 2021
8 & 9 SEPTEMBER 2021 100% VIRTUAL

SCOPE OF THE SEMINAR
- Enhancement of student development
- Sustainability of residential management
- The role of student development in the
- The role of student development in the
- The role of student development in the

SEMINAR FEES
- Registration fee
- Accommodation fee
- Food & beverage fee
- Transport fee
- Other fee

**UUM ANJUR ISHAD 2021
SECARA VIRTUAL**



Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Universiti Utara Malaysia (UUM) akan menganjurkan *International Seminar On Student Housing And Development (ISHAD) 2021* bermula pada 8 dan 9 September 2021. Seminar yang bertemakan *New Norms Of Student's Development And Wellbeing: Sustainability Of Student's Residential Management*, merupakan julung-julung kali akan diadakan secara virtual. Ia merupakan penganturan bersama di antara Universiti Utara Malaysia, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia serta Majlis Perumahan Universiti-Universiti Malaysia (MAPUM). Majlis perasmian dijangkakan akan disempurnakan oleh Tan Sri Mahiaddin Md Yasin, Perdana Menteri Malaysia.

Tujuan diadakan seminar ini adalah bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan di dalam pengurusan kolej-kolej kediaman dari aspek keselamatan, kesihatan dan kehidupan norma baharu semasa penularan pandemik Covid-19.

UUM ANJUR ISHAD 2021 SECARA VIRTUAL

Dalam konteks ini, satu mekanisme perlu diambil oleh pihak pengurusan universiti di dalam mempersiapkan pelajar-pelajar untuk menghadapi suasana tersebut. Peserta-peserta juga akan berkongsi idea dan fikiran di dalam memberi perkhidmatan yang terbaik kepada pelajar-pelajar di universiti masing-masing melalui garis panduan serta langkah-langkah sesuai yang akan dibincangkan nanti.

Lebih daripada dua puluh kertas kerja akan dibentangkan di dalam seminar selama dua hari ini. Di antaranya termasuklah oleh Tan Sri Dato' Seri Dr Noor Hisham Abdullah, Ketua Pengarah Kementerian Kesihatan Malaysia dan juga oleh Pengarah-pengarah pusat penginapan pelajar, pentadbir-pentadbir dan pelajar-pelajar dari universiti-universiti awam serta universiti luar negara.

Terdapat tiga sesi Perbincangan Meja Bulat yang akan melibatkan perbincangan di antara pihak pengurusan universiti-universiti Awam, Pengerusi MAPUM dan wakil dari universiti dalam lingkungan Segitiga Pembangunan Indonesia, Malaysia dan Thailand (IMT-GT) serta panel industri bagi sesi pertama. Manakala kumpulan pemimpin

pelajar serta alumni universiti yang bekerja di industri dan Pengurus-pengurus penginapan pelajar universiti awam masing-masing akan menyertai perbincangan meja bulat sesi yang kedua dan ketiga.

Menurut Prof Madya Dr. Hendrik Lamsali, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar Dan Alumni UUM, seminar pada tahun ini mempunyai kelainan daripada yang sebelumnya kerana selain diadakan secara virtual akibat daripada penularan Pandemik Covid-19, pada kali ini ia akan melibatkan penyertaan pelajar-pelajar di samping penyertaan dari universiti dari luar negara seperti Singapura, Brunei dan universiti-universiti yang termasuk di dalam lingkungan IMT-GT. Justeru itu ia akan memberi peluang kepada peserta-peserta untuk berkongsi idea dan bertukar-tukar fikiran tentang bagaimana universiti masing-masing menangani masalah global ini.

Bellau turut berharap supaya seminar ini akan dapat berjalan lancar tanpa sebarang masalah serta akan mendapat penyertaan yang ramai seperti yang diharapkan.

THEME *NEW NORMS OF STUDENT'S DEVELOPMENT & WELLBEING:
SUSTAINABILITY OF STUDENT'S RESIDENTIAL MANAGEMENT*



UUM
Universiti Utara Malaysia

The Eminent Management University



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI



International Seminar
on **Student
Housing
and
Development
(ISHAD) 2021**



8 & 9 SEPTEMBER 2021

100% VIRTUAL

SCAN HERE



IMPORTANT DATES:

Abstract Submission:
Now until 15 July 2021

Registration:
15 August 2021 (Due date)

Camera ready:
31 August 2021

Deadline for early bird payment:
15 August 2021

SCOPE OF THE SEMINAR

- Empowerment of student development in residential colleges in the new norms.
- Sustainability of residential colleges in cultivating new norms.
- The role of residential colleges in nurturing students in terms of skills, personality, identity and integrity for student marketability (GE).
- Strengthen the integration and innovation of IR4.0 technology in the management of student health and well-being in residential colleges.
- Readiness of residential colleges and students in crisis management.
- The role of residential colleges in the formation of new learning ecosystems.

SEMINAR FEES

SEMINAR PACKAGE

(The rate includes the seminar fees and kits).

Categories	Early bird rate	Normal rate
Local participant/student	-	RM 100
Local presenter	RM 200	RM 250
International participant/student	-	USD 50
International presenter	USD 80	USD 100

*all presenters and participants will receive e-certificate

OBJECTIVES

- Enhance the residential college management in a variety of situations that meet the safety and health aspects of students.
- Share ideas and innovations in crisis management and provision of services to students in residential colleges in pandemic situations.
- Establish residential college management guidelines that comply with the practice of the new norms.
- Make residential colleges the centre of academic and co-curricular excellence to produce future leaders.

"All papers will be published in e-proceeding and selected papers will have the opportunity to publish in reputable journals (with additional fees)"

CONTACT INFO:

Secretariat ISHAD2021 <http://www.hep.uum.edu.my/ishad-2021>

Tel: (04) 9284173 / 4152 . Fax (04) 9284175 . Email: ishad2021@uum.edu.my

80 ORANG STAF HEPA MENERIMA SUNTIKAN VAKSIN

Lebih daripada 80 orang staf dari Jabatan Hal Ehwal Pelajar Dan Alumni (HEPA) Universiti Utara Malaysia telah menerima suntikan vaksin bagi mengawal penularan penyakit Covid 19 yang semakin serius di negara ini. Mereka merupakan Barisan Hadapan HEPA yang terlibat secara langsung menjaga lebih dari 2,000 orang pelajar-pelajar yang berada di dalam kampus semasa Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di UUM baru-baru ini.

Kebanyakan daripada mereka menjalankan tugas-tugas menguruskan penyediaan makanan dan minum kepada pelajar-pelajar di Blok-blok Inapan Siswa (INASIS) serta menjaga hal-hal kebajikan yang lain. Kesemua mereka telah lengkap menerima suntikan jenis Pfizer di Dewan Tunku Anum, Pejabat Daerah Kubang Pasu, Jitra.

Menurut Hamelia Halim, Penolong Pengurus Asrama Kanan, Pusat Penginapan Pelajar (SAC) UUM, mula-mula beliau berasa memang takut dengan suntikan vaksin ini disebabkan oleh berbagai-bagai cerita yang didengarinya sebelum ini. Tetapi dengan semangat yang kuat dan ditambah lagi dengan tugas dan tanggungjawab menjaga pelajar-pelajar di dalam kampus maka beliau tekadkan diri untuk menerima suntikan. Ujar beliau lagi, selepas menerima suntikan, beliau tidak mengalami sebarang kesan sampingan dan lebih berkeyakinan tinggi di dalam menjalankan tugas yang mencabar ini.

Hajah Noraidani Binti Ismail, Akauntan di Jabatan Hal Ehwal Pelajar pula menyatakan bahawa melalui suntikan ini ia telah memberi semangat yang baharu kepada dirinya untuk terus menjalankan tugas di pejabat bagi menguruskan proses pembayaran perbelanjaan pelajar-pelajar yang dikuarantinkan seperti makan dan minum pelajar serta sukarelawan, walaupun beliau dihantui dengan pandemik Covid19 yang berada di sekitar diri beliau semasa PKPD di dalam kampus. Beliau berterima kasih kepada pihak Pengurusan Universiti yang sangat perhatin dan telah memberi peluang kepadanya untuk menerima suntikan tersebut. Beliau juga menasihati rakan-rakan yang belum menerima suntikan ini supaya jangan takut atau bimbang untuk mendaftar di dalam MySejahtera sebagai penerima vaksin ini.



Perkhidmatan kaunseling memainkan peranan utama di dalam membangunkan potensi modal insan pelajar-pelajar melalui program dan pendekatan psikologi dan kaunseling. Ini adalah selaras dengan hasrat Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia yang berusaha untuk melahirkan graduan yang berkualiti.

Dalam konteks ini, Pusat Kaunseling, Jabatan Hal Ehwal Pelajar Dan Alumni, Universiti Utara Malaysia (UUM) tidak ketinggalan di dalam mencapai hasrat yang telah digariskan oleh Kementerian Pengajian Tinggi tersebut. Seling dengan hasrat itu, satu langkah telah dilaksanakan kearah mewujudkan Pusat Kaunseling UUM yang berfungsi kepada perkhidmatan

kaunseling yang lebih profesional merangkumi kaunseling psikososial, kaunseling peribadi, kaunseling akademik, kaunseling kelompok, psikoterapi dan klinikal.

Walaupun Pusat Kaunseling UUM merupakan antara unit integral dalam Jabatan Hal-Ehwal Pelajar, namun perkhidmatan yang diberikan Pusat kaunseling masih lagi kurang mendapat perhatian daripada masyarakat kampus. Justeru itu, bagi mendedahkan serta memperkenalkan perkhidmatan yang ditawarkan, Pusat Kaunseling UUM telah mengadakan program Jerayawara atau 'outreach' dengan tajuk 'Towards Better Life In Campus' bersama-sama Pusat-Pusat Pengajian di UUM. Program yang diketuai oleh Dr. Asma Mat, Kaunselor Kanan di Pusat kaunseling ini sepatutnya dijalankan secara bersemuka tetapi akibat penularan pandemik Covid-19, ianya telah dijalankan secara dalam talian melalui aplikasi Webex. Sesi Perbincangan serta bertukar-tukar fikiran serta berkongsi pengalaman turut diadakan di dalam program tersebut.



PROGRAM OUTREACH MEMPERKENALKAN PUSAT KAUNSELING UUM

Program ini telah dijalankan seperti berikut:

- 27 April 2021 – Pusat Pengajian Ekonomi Kewangan dan Perbankan
- 29 April 2021 – Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan
- 4 Mei 2021 – Pusat Pengajian Perniagaan Islam dan Pusat Pengajian Perakaunan Tunku Puteri Intan Shafinaz
- 6 Mei 2021 – Pusat Pengajian Pengurusan Teknologi dan Logistik
- 20 Mei 2021 – Pusat Pengajian Undang-Undang
- 25 Mei 2021 – Pusat Pengajian Antarabangsa, Pusat Pengajian Pengurusan Pelancongan, Hospitaliti dan Acara dan Pusat Pengajian Kerajaan
- 27 Mei 2021 – Pusat Pengajian Pengurusan Industri kreatif dan Seni Persembahan

Menurut Prof Madya Dr. Siti Razaina Kamsaini, Pengarah Pusat Kaunseling UUM, program ini diharapkan akan berjaya memperkenalkan Pusat Kaunseling UUM dan dapat dikenal ramai. Beliau juga amat mengharapkan supaya Pusat kaunseling UUM dapat memberikan input dan informasi mengenai isu-isu yang berkaitan dengan kesejahteraan psikologi dan psikososial dalam kalangan pelajar-pelajar mahupun staf UUM.



PROGRAM BYE-BYE KOHORT 7 MENUTUP TIRAI



Majlis Tertinggi Persatuan Asasi Pengurusan UUM telah mengadakan Program Bye-Bye Kohort 7 sebagai penutup tirai menamatkan pengajian mereka di Pusat Asasi Pengurusan. Seramai lebih daripada 250 orang yang terdiri daripada pelajar-pelajar, staf akademik dan staf pengurusan Pusat Asasi Pengurusan telah mengambil bahagian di dalam program ini. Program ini telah dijalankan secara virtual ekoran daripada penularan wabak Pandemik Covid19 dan kampus UUM yang berada di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD).

Menurut Muhammad Rifhan Bin Sabe, Presiden Persatuan Pelajar Pusat Asasi Pengurusan yang juga merangkap Pengarah Program menyatakan bahawa program ini telah berjaya diadakan dengan lancar dan teratur. Ia merupakan satu memori yang tidak dapat dilupakan oleh mereka yang telah bersama-sama belajar selama tiga semester. Beliau juga mengucapkan ucapan penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada Pengurusan Tertinggi Pusat Asasi Pengurusan serta barisan staf akademik dan Pengurusan yang telah banyak mencurahkan ilmu serta memberi kerjasama dan tunjuk ajar kepada mereka selama berada di sini.

Menurut Pengarah Pusat Asasi Pengurusan, Prof. Dr. Munif Zaritruddin Fikri Nordin, di dalam ucapan perasmianya menyatakan bahawa komitmen yang diberikan oleh Majlis Tertinggi dan Exco Persatuan Pelajar Pusat Asasi Pengurusan di dalam mengadakan program ini sangat membanggakan walaupun menghadapi berbagai cabaran. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih di atas pengorbanan mereka dan berharap mereka mampu terus mencurahkan bakti mereka kepada UUM apabila melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda nanti. Beliau juga turut mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua pelajar Pusat Asasi Pengurusan kerana telah berjaya menamatkan pelajaran mereka dengan cemerlang walaupun mereka berada di dalam suasana yang kurang menentu ini.

Program ini berakhir dengan Tayangan Perdana Teater bertajuk *Kejara Mendonan* iaitu persembahan teater berbentuk muzikal yang dipersembahkan dari hasil kreativiti pelajar-pelajar Pusat ASASI Pengurusan UUM yang dilakukan secara virtual.



Peserta dari Unit Debat Tamil (UDT) UUM Student Excellence and Leadership Center (UUM SELECT) yang telah mencipta nama dalam dunia pengucapan awam, Yokesswaran a/l Cheladorai muncul sebagai Naib Johan di dalam Pertandingan Deklamasi Puisi Tamil peringkat kebangsaan baru-baru ini.

Pertandingan anjuran Tamil School Transformation Programme (TSTP ASIA) dengan kerjasama Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Malaysia Terengganu (UMT) serta beberapa Universiti lain telah berlangsung dengan kepelbagaian ciri-ciri puisi pilihan. Program ini berlangsung pada bulan April dan Mei di mana peserta dari UUM telah mendapat tempat sebagai Naib Johan.

Kegigihan yang dipamerkan dan uniknya persembahan Yokesswaran telah terbukti dengan merangkul hadiah wang tunai RM 170.00 beserta dengan e-sijil penyertaan.

Sementara itu, Ketua Unit Debat Tamil, Kothai a/p Sunthrararaju berkata, rahsia kejayaan Yokesswaran adalah disebabkan beliau mempunyai disiplin yang tinggi serta mempunyai minat yang mendalam dan berdaya maju.

Ujarnya, "Saya bangga dengan kesungguhan Yokesswaran sebagai ahli kelab UDT yang berfikir positif dan bersemangat untuk berjaya dalam sebarang pertandingan yang disertainya".

SYABAS! UUM NAIB JOHAN PERTANDINGAN DEKLAMASI PUISI TAMIL PERINGKAT KEBANGSAAN

Sebelum ini, Yokesswaran pernah merangkul beberapa hadiah dalam pertandingan pengucapan awam Tamil di peringkat kebangsaan.

Justeru itu, UUM SELECT Jabatan Hal Ehwal Pelajar berkeyakinan bahawa Yokesswaran berpotensi untuk ditonjolkan bakatnya yang lebih cemerlang dan gemilang dalam pertandingan yang akan datang.



BENGKEL TERAPI MINDA

UUM
Universiti Utara Malaysia

Bengkel Seni Terapi Tidur

"KERJAYA MANTUL PEMANGKIN KESEJAHTERAAN MINDA"

TARIKH / MASA PROGRAM
06 APRIL 2021
8:30 PAGI - 4:30 PETANG

Platform: CSISO WEBEX : UUM COUNSELLING CENTRE
Meeting number: 156 729 0046
Password: TIDUR2021

- Merit Diberikan kepada pelajar
- PRU kepada Staf
- E - Sijil
- Booklet Bengkel Seni Terapi Tidur
- 2 Mata CPD Ilmu dan Kemahiran 2

YANG MENYERTA
RM 10.00 - STAFF UUM DAN ORANG AWAM
RM 3.00 - PELAJAR
BAYARAN TERUS KE BENDAHARI UUM
02093010000010
(Bank Islam Malaysia Berhad)

SILA HUBUNG UNTUK MENYERTA

SEBARANG PERTANYAAN :

Nurly 017-2386274
Reda 016-7781976
Amira 017-4683781
Amira 011-24334168
Amira 010-9399200

DR. SARAIZA ABU BAKAR
PERUNDING DAN KETUA JABATAN ORL
HOSPITAL SERDANG, HOSPITAL SERDANG

Antara : Pusat Kaunseling, Jabatan Hal Ehwal Pelajar Universiti Utara Malaysia

Tidur yang tidak mencukupi boleh memberi implikasi kepada kesihatan mental dan fizikal individu. Tidur juga boleh mempengaruhi sistem imuniti tubuh. Kecelaruhan tidur boleh mendatangkan kesan yang negatif terhadap pembelajaran serta kerjaya seseorang individu.

Justeru itu, Pusat Kaunseling, Jabatan Hal Ehwal Pelajar UUM melalui Unit Perkembangan Profesional yang diketuai oleh Puan Nurly Aziyati binti Ahmad telah menganjurkan Bengkel Seni Terapi Tidur: Kerjaya Mantul Pemangkin Kesejahteraan Minda secara atas talian melalui aplikasi Webex baru-baru ini. Bengkel yang dikendalikan oleh Dr. Saraiza Abu Bakar, Perunding dan Ketua Jabatan ORL, Hospital Serdang ini telah memberi pendedahan kepada peserta bengkel tentang pelbagai teknik dan terapi yang boleh digunapakai bagi membantu mempertingkatkan kualiti tidur.

Penganjuran bengkel secara atas talian ini telah menarik lebih dari 250 orang peserta dari pelbagai lapisan masyarakat.

Maklum balas yang diterima dari peserta bengkel tersebut sangat positif dan ia dapat memberi banyak manfaat kepada peserta bagi meningkatkan kualiti tidur mereka.

RUANGAN IKLAN



Pusat Kaunseling
COUNSELLING CENTRE
Universiti Utara Malaysia

**ONLINE COUNSELLING
SERVICES (OCS)**



Overwhelmed ? Stress ? Anxious?
YOU'RE NOT ALONE !! OUR PROFESSIONAL COUNSELLOR CAN HELP YOU



**ASSOC. PROF.
DR. SITI ROZAINA KAMSANI**
019-346 2220



SHHRIN AHMAD
010-458 1706



FAEZAH NAYAN
019-428 8666



ASMA MAT
019-444 8458



**NOORUL ADILAH
CHE HAMZAH**
017-541 5194



**NURLY AZIYANI
AHMAD**
017-218 6274



**MOHD KHAIRONE
MD KHATIDIN**
013-392 3277



**SAFINAS HANOUM
OMAR ANWAR**
019-475 6541



**MUHAMMAD NOOR
FITRI AHMAD**
013-303 7001



**NUR FARAH
JOHARI**
017-449 8031



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.